

Pengaruh Semantik Lafaz Arab Al-Quran dalam Bahasa Bajau Ubian Sebagai Medium Manifestasi Pembangunan Dakwah Islamiah

The Semantic Influence of Quranic Arabic Expressions in the Bajau Ubian Language as a Medium for Manifesting Islamic Dakwah Development

Al Anshary Otuh Salleh^{1*}

¹ Penyelidik Bebas, Petaling Jaya 40160, Shah Alam, MALAYSIA

*Corresponding Author: ibnunahul88@gmail.com
 DOI: <https://doi.org/10.30880/jqsr.2026.07.01.002>

Maklumat Artikel

Diserah: 1 Ogos 2025
 Diterima: 8 Januari 2026
 Diterbitkan: 30 Jun 2026

Kata Kunci

Linguistik Al-Quran, semantik, kata pinjaman Arab, bahasa Bajau Ubian, pembangunan dakwah

Abstrak

Penerimaan Islam di Gugusan Kepulauan Melayu khususnya dalam kalangan kaum peribumi telah mencetuskan transformasi besar bukan sahaja daripada aspek pegangan sosio-religius, malah meresap ke dalam sistem linguistik tempatan. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis penyerapan kosa kata Arab Al-Quran ke dalam bahasa Bajau Ubian di Sabah serta menilai sumbangan dakwah Islamiah menerusi medium bahasa terhadap pembangunan minda komuniti tersebut. Menggunakan reka bentuk kualitatif, pengumpulan data dilakukan menerusi kaedah kepustakaan dan temu bual tidak berstruktur bersama penutur jati dan pengamal budaya bagi memastikan ketepatan ejaan serta fonetik. Data leksikal yang diperoleh kemudiannya dianalisis secara deskriptif berteraskan teori semantik dengan memfokuskan kepada perluasan, penyempitan, dan perubahan makna teks. Hasil kajian mendapati berlaku penyerapan linguistik Arab Al-Quran yang signifikan dalam dialek Bajau Ubian, merangkumi kata nama (isim) sehinggalah melibatkan partikel sendi (huruf jar dan 'athaf) seperti *lafaz dawat, isbat, kahawa, min, dan pa*. Penemuan ini bukan sahaja membuktikan manifestasi dakwah Islamiah yang telah mengakar umbi sejak era Kesultanan Sulu, malah menolak persepsi salah faham sesetengah pihak yang menganggap komuniti Bajau sebagai etnik yang terpinggir daripada naratif perkembangan tamadun Islam awal di Nusantara. Implikasi kajian ini memperkasakan laras bahasa peribumi sekali gus menyumbang kepada dokumentasi korpus linguistik berteraskan acuan pengajian Al-Quran dan ketamadunan.

Keywords

Quranic linguistics, semantics, Arabic loanwords, Bajau Ubian language, dakwah development

Abstract

The advent of Islam in the Malay Archipelago has catalyzed a profound transformation within indigenous communities, extending beyond socioreligious beliefs into the local linguistic systems. This study aims to analyze the integration of Quranic Arabic loanwords into the Bajau Ubian language in Sabah and evaluate the contribution of Islamic dakwah through linguistic mediums toward community development. Employing a qualitative research design, data were gathered utilizing library research and unstructured interviews with native speakers and cultural practitioners to ensure orthographic and phonetic accuracy. The collected lexical data were descriptively analyzed using semantic frameworks, focusing on semantic extension, restriction, and shifts. The findings reveal a significant absorption of Quranic Arabic linguistics into the Bajau Ubian dialect, ranging from nouns (isim) to grammatical particles (huruf jar and 'athaf), as exemplified by words such as dawat, isbat, kahawa, min, and pa. This lexical integration underscores the deep-rooted impact of Islamic missionary work since the era of the Sulu Sultanate and effectively refutes misconceptions portraying the Bajau as historically detached from early Islamic civilization in the Nusantara. Consequently, this study enhances the understanding of indigenous linguistic registers and contributes to the documentation of linguistic corpora within the scope of Quranic sciences and Islamic civilization.

1. Pengenalan

Dakwah Islam yang tersebar ke seluruh dunia telah menyaksikan perubahan besar-besaran terhadap cara pandang manusia mengenai konsep al-din yang diturunkan oleh Allah SWT melalui para anbiya'. Pendekatan dakwah yang menarik, ramah, toleransi, pemaaf dan memudahkan itulah antara karakter Islam yang telah menarik minat orang ramai untuk memeluk Islam. Demikian pula personaliti pendakwah yang mempamerkan akhlak selari dengan paksi ilmu menyumbang kepada dakwah Islam (Nurul Izzah Che Zaidi & Razaleigh Muhamat@Kawangit, 2020).

1.1 Latarbelakang Kajian

Kajian mengenai Bajau masih terhad, apatah lagi sub etnik Bajau yang memiliki kebudayaan dan identiti tersendiri menyebabkan kajian mengenainya sedikit sukar. Kajian ini sendiri hanya memfokuskan salah satu pecahan Bajau iaitu Bajau Ubian. Ramai yang keliru membezakan jenis Bajau tersebut lebih-lebih lagi mereka yang bukan berbangsa Bajau. Antara salah faham tersebut adalah kekeliruan mengenai identiti Bajau sehingga ada yang menganggap Bajau Pala'u misalnya serupa dengan Bajau Ubian. Kekeliruan tersebut berlanjutan apabila salah faham mengenai Bajau Laut mewakili Bajau pantai timur Sabah dan Bajau darat mewakili Bajau pantai Barat, padahal orang Bajau di pantai timur Sabah sendiri tidak suka disebut Bajau laut atau Pala'u (Md. Saffie Abd Rahim et al., 2012). Di Sabah sendiri, ramai yang keliru dan mengkategorikan Bajau Ubian ke dalam kelompok Bajau Semporna atau Orang Suluk (Saidul Nornis Hj. Mahali, 2018).

Kekurangan kajian yang membuktikan Bajau adalah etnik atau bangsa yang kuat suatu masa dahulu juga menyebabkan Bajau sering dianggap kaum yang terkebelakang, walaupun sebenarnya mereka bangsa yang kuat dan terkenal dengan kepakaran maritim. Apa yang berlaku kini kepada sebahagian etnik Bajau seperti Pala'u adalah sikap tidak peduli dan faktor dalaman dan luaran masyarakat menyebabkan Bajau sering disalah fahami. Bahkan, kekeliruan sebahagian pendakwah yang menganggap Bajau Adalah etnik yang seakan mundur mewujudkan persepsi yang tidak tepat terhadap bangsa yang sebenarnya mempunyai sejarah dan sumbangan di alam Melayu. Kekeliruan lain daripada sebahagian pihak yang menganggap terdapat Bajau yang masih tidak menganut Islam juga merupakan salah faham yang perlu diperbetulkan.

Sehingga pernah berlaku seorang pendakwah datang ke Sabah dan mengislamkan ratusan orang Bajau Laut atau Pala'u (Utusantv, 2 February 2021). Bahkan terdapat laporan akhbar menyebut pihak agensi agama akan menghantar guru agama bertaualiah ke Sabah untuk membimbing komuniti Bajau Laut yang diduga telah memeluk Islam tersebut. Padahal orang Pala'u jika dilihat berdasarkan sejarahnya merupakan Bajau asli sedikit sebanyak telah memberi sumbangan kepada perkembangan Islam dan tamadun Melayu suatu masa dahulu.

Apa yang berlaku kepada Pala'u dan selainnya pada masa kini adalah akibat kesan penjajahan barat yang membekas, hilangnya jati diri, mereka terbiar daripada mendapat pendidikan Islam dan dakwah, wujud diskriminasi dan persepsi negatif padahal asalnya mereka memang orang Islam sebagaimana orang Bajau yang lain. Pengalaman penulis bergaul dengan mereka mendapati bahasa Pala'u juga tidak ada perbezaan ketara

dengan Ubian, cuma berlaku perbezaan dalam aspek dialek. Bahkan meskipun mereka hidup di perahu, tetapi dikenal oleh orang tua-tua dahulu memiliki budi bahasa yang baik. Hal ini disaksikan sendiri oleh seorang informan, Hajjah Alias (68 tahun) yang mengimbau kenangan masa kecil di Kampung Bangkarat dan biasa melihat kelibat orang Pala'u singgah di persisir pantai kampung tersebut serta berkomunikasi bersama penduduk. Walau bagaimanapun, orang Bajau timur sendiri tidak gemar digelar Bajau Laut (Md. Saffie Abd Rahim et al., 2012). Menurut penulis ini juga merupakan suatu sikap yang boleh diumpamakan sebagai diskriminasi halus yang berlaku sesama masyarakat Bajau sendiri. Bahkan kajian barat mendakwa Bajau dianggap sebagai kaum yang kasar sehingga sering digunakan oleh sultan-sultan Melayu untuk merompak kapal pedagang Eropah (Zulyani Hidayah, 2015).

Salah faham mengenai Bajau ini bukan hanya melibatkan soal status keislaman orang Bajau Laut atau Pala'u, tetapi juga melibatkan kajian akademik mengenai kepercayaan dan agama. Kajian Syamsul Azizul Marinsah et al. (2025) juga tidak terkecuali. Kajian yang membahas berlakunya sinkretisme sama ada aspek positif atau negatif seolah-olah menyandarkan kesemua kepercayaan dan adat tersebut kepada orang Bajau secara umum adalah kurang tepat, namun ia kajian akademik yang patut dihargai. Kajian Halina Sendera (2018) yang membahagikan evolusi pemikiran dan amalan budaya masyarakat Bajau di Kota Belud kepada empat zaman (sebelum pertapaan Islam, awal pertapaan Islam/abad ke-16, zaman kontemporari/abad ke-21 dan zaman masa hadapan/abad ke-22 dan seterusnya) dihormati sebagai gagasan kesimpulan dalam konteks kajian tersebut, namun penulis tidak bersetuju kerana kurang tepat jika diaplikasi kepada Bajau Ubian di Lahad Datu atau bahkan jika dilihat pada konteks lebih luas.

Bahkan terdapat perbezaan antara Bajau itu sendiri seperti Bajau Pala'u, Ubian, Bajau di Semporna, di Kota Belud dan sub-Bajau yang lain seperti Tabawan, Sibutuk, Balimbing, Simunul dan lain-lain memiliki ciri atau karakteristik yang membezakan antara budaya masyarakat tersebut walaupun mereka berada dalam satu bangsa iaitu Bajau. Salah satu contoh biasa adalah mengenai adat *maglugu'* yang sebenarnya tidak lagi diamalkan oleh sebahagian Bajau termasuk Ubian di Lahad Datu. Temu bual bersama informan Bajau Ubian, Hajjah Alias (68 tahun) dan Fatimah Ali Hassan (60 tahun) menyatakan bahawa tradisi *maglugu'* sudah sekian lama tidak diamalkan oleh Bajau Ubian di Tungku dan Lahad Datu. Informan mendakwa bahawa *maglugu'* masih diamalkan sebahagian orang Suluk walaupun ada juga diamalkan oleh segelintir orang Bajau, tetapi orang Bajau di Lahad Datu khususnya Ubian sudah lama meninggalkannya.

Demikian juga adat dan kepercayaan lain hendaklah diperhalusi berdasarkan jenis Bajau dan daerahnya. Meskipun mereka orang Bajau, tetapi tidak semestinya memiliki ciri, karakter, kepercayaan dan adat yang serupa meskipun memiliki kemiripan pada sisi lain. Apatah lagi jika dihubungkan dengan hukum Islam, ia memerlukan perincian. Perubahan amalan dan kepercayaan ini berlaku akibat kronologi sejarah Islam dan pembaharuan Islam dalam kalangan masyarakat Bajau yang berterusan. Kekeliruan dalam kajian yang menyandarkan amalan-amalan dan kepercayaan tertentu kepada Bajau secara umum adalah kurang tepat. Hal ini berlaku kerana kajian seumpama tersebut tidak mempedulikan kronologi dan aliran sejarah Islam di alam Bajau yang berlaku sejak zaman berzaman.

Justeru itu, beberapa masalah kajian yang dirangkumkan dalam kajian ini adalah:

- Anggapan sebahagian bahawa kaum Bajau seolah-olah tidak memiliki sebarang penerimaan Islam yang berkesan dari para mubaligh Islam dalam sejarah Islam di Asia Tenggara.
- Salah faham yang menganggap segelintir orang Bajau itu bukan Islam atau yang menjurus ke arah jahil agama.
- Kurangnya kajian yang membuktikan peranan dari sudut positif para pendakwah dan ahli ilmu dalam pembentukan peribadi muslim masyarakat Bajau, khususnya Bajau Ubian.

1.2 Persoalan Kajian

Berdasarkan permasalahan tersebut, maka beberapa persoalan bagi kajian ini adalah:

- Bagaimanakah peranan masyarakat Bajau dapat dibuktikan dalam sejarah perkembangan Islam di Asia Tenggara?
- Bagaimanakah peranan mubaligh Islam, khususnya mubaligh Arab dan para pendakwah untuk membangunkan Islam dalam kalangan masyarakat Bajau termasuk Bajau Ubian di Sabah dan khususnya Lahad Datu?
- Bagaimanakah Bajau Ubian dapat dibuktikan mempunyai asas keislaman yang kukuh melalui hubungan antara bahasa Bajau Ubian dan bahasa Arab berdasarkan asas kajian semantik?

1.3 Objektif Kajian

Seterusnya, berdasarkan persoalan kajian tersebut, maka objektif kajian ini adalah untuk:

- Membuktikan peranan masyarakat Bajau dalam sejarah perkembangan Islam di Asia Tenggara.

- Membuktikan peranan mubaligh Islam, khususnya mubaligh Arab dan para pendakwah moden dalam proses pembangunan Islam dalam kalangan masyarakat Bajau termasuk Bajau Ubian di Sabah dan Lahad Datu.
- Membuktikan bahawa Bajau Ubian memiliki asas keislaman yang kukuh melalui hubungan antara bahasa Bajau Ubian dan bahasa Arab sebagaimana dibuktikan dalam kajian semantik.

2. Sorotan Literatur

2.1 Sejarah Islam di Alam Bajau

Penduduk di Kepulauan Nusantara sebelum kedatangan Islam dikatakan tidak mempunyai agama (animisme-dinamisme) dan diikuti dengan pengaruh Hindu-Budha. Menurut Slamet Muljana (2005), ketibaan Islam di Asia Tenggara bermula sejak awal abad ke-12. Ini bermakna sebelum masa tersebut masyarakat Asia Tenggara dipengaruhi oleh Hindu-Budha (Hazairin, 1981). Namun jika kita mencermati dengan lebih luas, manusia pertama yang diutus ke dunia iaitu Adam A.S, merupakan seorang Nabi diutuskan untuk menyebarkan tauhid Islam. Kemudian berlaku penyelewengan selepasnya oleh sebahagian anak cucu Adam dan Allah SWT mengutus para utusan-Nya untuk menyebarkan Islam dan mengajak kepada iman.

Termasuklah di alam Melayu Nusantara, meskipun wujud kepercayaan animisme-dinamisme dalam sejarah terdahulu, tetapi tidak pula menafikan kemungkinan wujudnya Nabi yang diutus di Nusantara ribuan tahun dahulu berdasarkan hujah dalam surah al-Nahl ayat 36 & 63, surah Fathir ayat 24, Yunus ayat 47 dan al-Ra'd ayat 7 bahawa tidak ada satu umat atau tempat di muka bumi yang tidak diutuskan para Nabi untuk memberi petunjuk dan mengajar tauhid kepada mereka (Abdul Rahman Hj. Abdullah, 2006). Hal ini dikukuhkan lagi dengan melihat kepada kajian mt-DNA yang membuktikan benua Sunda merupakan sebuah pentas peradaban manusia yang unggul puluhan ribu tahun yang lalu (Zaharah Sulaiman et al., 2023).

Dalam masa penyelewengan tauhid tersebut, muncul pengaruh Hindu-Budha ke alam Melayu. Kedatangan Budha ke Nusantara berlaku sekitar 330 SM - 180 SM ketika maharaja Asoka memerintah Dinasti Maurya mengirim para mubaligh ke Ceylon dan Nusantara, kemudian dilanjutkan oleh kerajaan Khusan pada 78 M. Selepas itu barulah diikuti oleh pengembangan agama Hindu dengan tiga peringkat oleh golongan Vaisya melalui perdagangan, diikuti oleh peranan golongan Brahmin lalu kepada peringkat Upanishad (Abdul Rahman Hj. Abdullah, 2006). Kesan-kesan pengaruh Hindu-Budha masih boleh dilihat daripada peninggalan sejarah seperti di Kemboja, Thailand, Burma, Champa, Vietnam, Sumatera, Borneo dan Jawa.

Teori Islamisasi awal di Sumatera pada abad ke-8, ke-9 dan ke-10 M atau sedikit terkemudian dijalankan oleh orang Quraisy, namun secara meluas pada abad ke-13 M dan 14 M (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 2025). Asia Tenggara terkenal sebagai laluan perdagangan yang wujud sebelum kemunculan Islam. Hubungan Arab-Asia Tenggara berlaku sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Hubungan langsung melalui perdagangan Arab dan Parsi ke Nusantara untuk mendapatkan kapur barus, lada, rempah dan kemenyan. Manakala hubungan tidak langsung melalui perdagangan Arab dan Parsi ke China dan Asia Tenggara sebagai tempat persinggahan (Abdul Rahman Hj. Abdullah, 2006). Pada tahap seterusnya berlaku proses pengislaman di Nusantara pada zaman kerajaan Umayyah (661 M-750 M) oleh Mu'awiyah bin Abu Sufyan (661 M-680 M) serta Umar Abd al-'Aziz (717 M-720 M) dan kerajaan Abbasiyah (750 M-1258 M) pada zaman al-Makmun (813 M-833 M) yang dapat dibuktikan melalui kesan penempatan orang Arab dan Parsi beragama Islam di pantai Barat Sumatera (Abdul Rahman Hj. Abdullah, 2006).

Islam tiba di Nusantara sekitar abad tersebut melalui peranan golongan 'Alawiyyin, keturunan al-Husain bin Ali R.A yang menurut Al-Attas mereka itu bukanlah Syiah, mereka datang dari Arab Selatan iaitu Hadramaut (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 2025). Azyumardi Azra (2007) mengukuhkan pandangan bahawa Islam yang pertama kali berkembang di Nusantara dibawa oleh golongan tasawuf. Menurut sebahagian pengkaji sejarah, memang terdapat propaganda golongan Syiah di Nusantara iaitu Syiah Alawiyah di kepulauan Sulu, Sulawesi dan Kalimantan yang berlaku pada zaman pemerintahan Abdul Malik bin Marwan (685 M-750 M). Kemudian pada zaman pemerintahan al-Makmun (813 M-833 M) angkatan dakwah Syiah tiba di Perlak, Sumatera. Kemudian pada zaman Fatimiyah Mesir (909 M-1171 M) Syiah Ismailiyah menyebarkan Islam Syiah di Sumatera (Abdul Rahman Hj. Abdullah, 2006).

Terdapat tiga aliran Islam yang tersebar di alam Melayu Nusantara. Islam Syiah yang terawal bertapak di Nusantara pada awal abad ke-12 pada era dinasti Fatimiyah Mesir, diikuti oleh aliran mazhab Syafie oleh kerajaan Mamaluk ketika berhasil meruntuhkan Fatimiyah sekitar 1284 M dan mengembangkan Islam di Sumatera khususnya di Perlak dan Pasai, menjalar dari Aceh ke Minangkabau. Aliran ketiga mazhab Hanafi yang disebarkan oleh orang-orang Cina yang dibawa dari Champa melalui hubungan perdagangan termasuk peranan laksamana Cheng Ho lalu berkembang di Demak, pantai utara Jawa sehingga ke Filipina (Selamet Muljana, 2005).

Di kepulauan Sulu, beberapa tokoh penting yang menyebarkan serta mendirikan kerajaan Islam iaitu Tuan Masha'ika (separuh akhir abad ke-13). Seterusnya 50 tahun kemudian seorang tokoh meneruskan dakwah iaitu Syarif al-Makhdun (Karim al-Makhdum) atau digelar sebagai Syarif Auliya' datang ke Sulu pada 1380 M. Seorang

lagi tokoh penting iaitu Abu Bakr yang digelar Syarif Hasyim kerana keilmuan dan kemuliaannya daripada keturunan Nabi SAW iaitu Bani Hasyim (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 2025). Selain Sultan Abu Bakr, dua lagi tokoh yang berperanan penting ialah Mohadum dan 'Alawi Al Bapaki yang keduanya dikatakan saudara Sayyid Abu Bakr, khususnya Sayyid Bapaki dikatakan seorang sufi yang datang dari Mekah (Azyumardi Azra, 2007).

Tiga wilayah penting penyebaran Islam di Filipina ialah Sulu, Mangindanao dan Manila. Di Sulu, penyebaran Islam bermula pada abad ke-13 dengan tokoh penting seperti Tuan Masha'ika dan Tuan Maqbalu dan diikuti pula oleh Karim al-Makhdum pada sekitar 1380 M, kemudian Raja Baguinda dari Minangkabau. Antara tokoh-tokoh lain seperti Sultan Sharif al-Hashim, Sultan Alauddin, Sultan Amir al-Ulama, Sultan Mu'iz al-Mutawaddin'in, Sultan Nashiruddin, Sultan Muhammad al-Halim sehingga sultan Sulu terakhir Sultan Jamal al-Kiram yang meninggal pada 1936 M (Abdul Rahman Hj. Abdullah, 2006).

Di Mangindanao, penyebaran Islam bermula 1460 M dengan peranan tokoh utamanya iaitu Sharif Auliya', Sharif Maraja (sekitar 1380 M) dan Sharif Muhammad Kabungsuan yang memulakan kesultanan di Mindanao pada 1515 M (Abdul Rahman Hj. Abdullah, 2006). Menurut al-Attas (2025), dakwaan tahun 1511 M sebagai tarikh ketibaan Kabungsuan ke Mindanao tidak tepat, tetapi kemungkinan besar sebelum pertengahan abad ke-15, sekitar 1440 M. Manakala Sharif Auliya' Karim al-Makhdum dikatakan datang dari Melaka pada 1380 M (Azyumardi Azra, 2007). Menurut perkiraan al-Attas (2025) Karim Makhdum datang ke Sulu pada sekitar 1360 M-1365 M. Kabungsuan adalah anak kepada Sharif Ali Zainal Abidin yang memiliki abang lelaki iaitu Muhammad (atau mungkin 'Alawi) dan Ahmad. Kabungsuan menjadi sultan pertama Mindanao, Muhammad menjadi sultan Brunei pertama, manakala Ahmad sultan kedua (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 2025). Manakala sultan ketiga ialah Sultan Berkat yang bernama Sharif Ali (Abdul Rahman Hj. Abdullah, 2006). Berdasarkan kajian al-Attas (2025), kesemua mereka ini adalah keturunan al-Husain bin Ali R.A yang disebut keturunan 'Alawi bin Muhammad Sahib Marbat dan mereka bukan Syiah. Seorang lagi pendakwah selepas Karim al-Makhdum datang ke wilayah Sulu dan Filipina ialah Amin Allah al-Makhdum yang digelar Sayid al-Niqab, beliau dipercayai datang ke wilayah tersebut bersama Cina Muslim (Azyumardi Azra, 2007).

Manakala di Manila penyebaran Islam dilakukan oleh Raja Matanda tetapi Sepanyol tiba menyerang Manila pada 1570 M. Manila diperintah oleh Raja Sulaiman, anak saudara Matanda pada 1571 M, tetapi kerajaan Islam di Manila tidak bertahan lama kerana penjajahan Sepanyol (Abdul Rahman Hj. Abdullah, 2006). Apa yang menarik, dikatakan Muhammad Kabungsuan berangkat dari Johor bersama orang Samal (Bajau laut) ke Mindanao pada 1511 M berdasarkan kajian pengkaji Barat Daniel Sopher. Ketika tiba di Mindanao mereka mendapat tentangan daripada penduduk tempatan dan pelbagai puak di Mindanao sehingga berlaku perang antara Kabungsuan dan penduduk Mindanao, namun akhirnya beliau berjaya menyelesaikan misinya setelah kurang lebih 25 tahun berjuang di Mindanao (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 2025).

Walaupun ada perselisihan mengenai tarikh yang tepat, namun maklumat ini sudah cukup membuktikan Bajau telah ada di sekitar kepulauan Melayu termasuk di Johor bahkan ada juga di kepulauan Filipina. Dan jika dakwaan tersebut benar, maka orang Bajau telah lama mendapat pendidikan Islam melalui peranan para ilmunan dan mubaligh Islam. Dan pada era inilah persemendaan dan penyerapan bahasa Arab ke dalam bahasa Bajau berlaku. Namun, ketika zaman penyebaran Islam tersebut terdapat rentang waktu yang panjang dalam masyarakat Bajau sehingga wujudnya saki baki khurafat dan amalan tidak bertepatan dengan Islam atau sinkretisme.

Penjajahan barat oleh Sepanyol di Filipina dan Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBUB) di Sabah/Borneo menjadi faktor kemunduran umat Islam dalam banyak aspek termasuk kesuraman ilmu dan dakwah yang terhenti dalam kalangan masyarakat Bajau akibat kejatuhan kerajaan Islam. Suatu fakta yang perlu diakui adalah, tujuan penjajahan Barat adalah untuk mencapai apa yang disebut sebagai God, Gold, and Glory meskipun kejatuhan kerajaan Islam di Nusantara adalah akibat faktor luaran dan dalaman (Abdul Rahman Hj. Abdullah, 2006). Dikatakan sebahagian besar Bajau beragama Islam, tetapi kepercayaan animisme laut masih kuat (Zulyani Hidayah, 2015).

Dalam kajian Zaharah Sulaiman et al. (2023), berdasarkan kajian-kajian yang kukuh, orang Melayu di kepulauan Filipina asalnya Islam tetapi dijajah menjadi Kristian, sehingga bercakap bahasa Sepanyol dan Tagalog padahal mereka semua hakikatnya Melayu. Penjajah melalui kolonialisme-imperialisme bukan hanya membunuh, menghancurkan dan merompak harta umat Islam, bahkan juga merosakkan pemikiran umat Islam melalui gerakan orientalisme, kristienisasi dan imperialisme yang saling berkait (Daud Rasyid, 2006). Mengenai pengaruh Hindu-Budha, tidak ada pengaruh ketara di Filipina sepanjang yang diketahui (Abdul Rahman Hj. Abdullah, 2006).

2.2 Pengaruh Islam dalam Masyarakat Bajau

Apa yang menarik, pengaruh Islam telah mengakar dalam tradisi Bajau khasnya dalam pembentukan bahasa Bajau. Walaupun tidak dinafikan masih ada saki baki jahiliyah termasuklah sinkretisme, bid'ah, khurafat, syirik serta budaya taklid buta dalam sebahagian masyarakat Bajau. Kerana itulah muncul ramai golongan pembaharuan Islam moden di Indonesia pada abad ke-19 dan 20 dalam memperjuangkan *islah* atau *tajdid* yang memberi impak kepada pembangunan Islam kepada masyarakat Nusantara (Daliar Noer, 1982). Oleh itu, dakwah dan gerakan

pembaharuan Islam dalam kalangan orang Bajau, Sabah dan Filipina boleh dikatakan agak lewat berbanding di Indonesia dan Semenanjung. Bahkan di Semenanjung pun gerakan pembaharuan yang dipelopori Muhammad Abdul Wahab juga datang dari Indonesia ke Perlis melalui pengaruh dan kitab-kitab A. Hassan Bandung (Mustafa Abdullah, 2021). Meskipun sebenarnya menurut penulis kaitan antara A. Hassan lebih tepat dirujuk bersumber daripada pengaruh Muhammad Abduh dan Rasyid Ridha.

Manakala ilmu agama di Filipina pula diambil daripada karya-karya Indonesia atau semenanjung (Abdul Rahman Hj. Abdullah, 2006). Bahkan, tulisan-tulisan A. Hassan dalam *Pembela Islam* (pada 1929 M) misalnya telah sampai sehingga ke Sulawesi, Kalimantan terutama di Banjar, Sumatera, Minangkabau dan Thailand, serta berlaku pertukaran majalah ke Amerika, Cina, Afrika Selatan, Jepun, British dan Bangkok (Tamar Djaja, 1980). Dapat difahami bahawa dari Kalimantan dan Sulawesi menunjukkan sumber paling dekat untuk mendapatkan karya dan pengaruh pembaharuan bagi orang Islam di Filipina dan Borneo.

Daripada huraian tersebut, jelas bahawa Filipina dan Borneo pernah menjadi pusat pemerintahan kerajaan Islam sebelum zaman penjajahan Barat. Perkara ini hendaklah diberi perhatian, kerana terdapat salah faham yang mendakwa Bajau Laut atau Pala'u adalah sepenuhnya non-Muslim. Terdapat kenyataan akhbar menyebut pihak berautoriti akan membimbing kumpulan suku kaum Bajau Laut yang baru memeluk Islam. Ulasan tersebut dikeluarkan rentetan daripada pengislaman yang didakwa dilakukan oleh seorang pendakwah selebriti dari Semenanjung ke Sabah yang mengislamkan 157 orang suku Bajau Laut (Sinar Harian, 1 Februari 2021). Menurut penulis, salah faham ini berlaku kerana tidak memahami sejarah bangsa Bajau dan kaitannya dengan zaman kesultanan Melayu dan penjajahan Barat khususnya di Filipina.

Selepas zaman kemerdekaan Sabah dan penyatuannya ke dalam Malaysia, pelbagai usaha dijalankan oleh para pendakwah bebas, para ilmuan dan peranan kerajaan negeri Sabah dalam memantapkan kefahaman masyarakat Islam di Sabah dan orang Bajau secara khusus. Ketibaan Islam di Sabah mula dikesan pada abad ke-13 M sebagaimana diuraikan sebelumnya. Zaman berlalu, kemudian selepas mencapai kemerdekaan, beberapa inisiatif telah dilaksanakan oleh Tun Mustapha melalui kerajaan Negeri pada sekitar tahun 1974 dengan menjemput para ilmuan dan pendakwah yang terdiri daripada 18 orang agamawan dari Indonesia. Antaranya Ustaz Aliyudin Kamidi, Haji Abdul Khalik Masidin, Dr. Adnan Idris, Dr. Munir Siregar, Ustaz Muhammad Nawawi Muhammad, Ustaz Mansuruddin Batubara, Ustaz Mutalib Endra, Ustaz Yakub Lubis, Ustaz Mokhtar Zainuddin, Ustaz Ahmad Darbi Lubis, Ustaz Syafie Raja Duyut, Ustaz Iyen Atim, Ustaz Jalidar Abdul Rahim, Ustaz Ghazali Sulaiman, Ustaz Ahmad Zaini, Ustaz Yahya Arshad, Ustaz Syarian Syah dan Ustaz Haji Muchlis Ali Kassim. Pada tahun 1980 Ketua Menteri ketika itu Datuk Muhammad Harris Salleh telah menjemput tujuh agamawan dari Indonesia iaitu Ustaz Hamdani, Ustaz Hj. Mohd Mursal Mukhtar, Ustaz Sofwan, Ustaz Burhanuddin Sham, Ustaz Abdul Mukti Saubari, Ustaz Abdul Salam Rahidi dan Ustaz Yazid Abas. Dikatakan mereka adalah agamawan yang ditaja oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan Rabitah al-Islami (Masni Mustapa et al., 2022).

2.3 Peranan Pendakwah dan Agensi Dakwah

Peranan dakwah Islam oleh agensi kerajaan negeri seperti USIA (United Sabah Islamic Association) pada tahun 1969, kemudian dilanjutkan oleh Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) dan Jabatan hal Ehwal Agama Islam Sabah (JHEAINS) serta dikukuhkan lagi dengan peranan Pusat Latihan Dakwah (PLD) Sabah yang ditubuhkan pada tahun 1979 untuk membimbing masyarakat Islam dalam memahami agama secara berdisiplin, serta membimbing saudara baru kepada pemahaman Islam yang mendalam (Masni Mustapa et al., 2022). Sebenarnya, peranan badan kerajaan dan bukan kerajaan menjadi pemain utama dalam penyebaran Islam dan dakwah di Sabah. Namun, terdapat juga para pendakwah yang tidak disebutkan nama-nama mereka tetapi telah memberi sumbangan kepada pembangunan dakwah di Sabah termasuk di Lahad Datu. Sebagai contoh, salah seorang tokoh dakwah dalam kalangan masyarakat Bajau Ubian di Lahad Datu ialah Haji Alkanta bin Nahul (w. 2013 M).

Beliau telah mendalami ilmu Islam secara tidak formal sejak era 90-an atau lebih awal dari itu dan kemudian diikuti oleh abangnya Otuh Salleh yang berdakwah kepada masyarakat dan khusus kepada Bajau Ubian di Lahad Datu. Beliau aktif berdakwah sejak era 2000-an dan mengikuti kursus-kursus yang diselenggara oleh USIA dan MUIS. Beliau juga pernah diberi kepercayaan untuk menjadi tenaga pengajar dan fasilitator bagi kursus-kursus anjuran Pusat Latihan Islam Lahad Datu, menjadi penceramah bebas dan penceramah bagi kursus-kursus lain sama ada anjuran pengurusan agama negeri sejak era 90-an dan lebih aktif sejak era 2000-an. Hj. Alkanta telah dianugerahkan Anugerah Tokoh Pendakwah pada 2012 M/1434 H pada sambutan Ma'al Hijrah peringkat daerah Lahad Datu, kerana sumbangan beliau dalam memartabatkan serta meninggikan syiar Islam dalam aktiviti sosial, ekonomi dan pendidikan khususnya di Lahad Datu.

Alkanta juga aktif dalam pengajaran ilmu dan dakwah di perkampungan sekitar Lahad Datu serta pernah berdakwah ke daerah lain seperti Sandakan (Halpisah Taman, 2024). Temubual penulis bersama salah seorang saksi, murid dan rakan karib beliau yang masih hidup iaitu Salim bin Lammokan (71 tahun) yang telah menyaksikan peranan Hj. Alkanta di Lahad Datu khususnya di kawasan Tungku. Beliau mengadakan kelas-kelas pengajian dan ceramah bebas di perkampungan seperti Sabah Baru Peringkat 2, Kampung Lok Banga' dan Kampung Membatu sehingga ke Sri Pantai, Makuaw daerah Tungku. Selain daripada para penduduk kampung

dinyatakan di atas, antara mereka yang hadir juga berasal daripada perkampungan sekitar seperti Kampung Sibural, Kampung Merabung dan Kampung Bangkarat (Salim Lammokan, 2024).

Meskipun peranan Haji Alkanta tidaklah sebesar para sarjana dalam ilmu pengajian Islam, tetapi untuk ukuran persekitaran dan zamannya beliau telah memberi sumbangan besar. Peranannya membuktikan bahawa beliau sebagai seorang tokoh dakwah di Lahad Datu khasnya kepada masyarakat Bajau Ubian serta aktif berdakwah kepada masyarakat pelbagai kaum bukan sahaja kepada orang Bajau, tetapi juga kepada sebahagian orang Dusun, Bisaya', Cina dan selainnya yang telah memberi impak positif kepada para penduduk tempatan di sekitar perkampungan khasnya di mukim Tungku, Lahad Datu dan sekitar bandar tersebut. Bahkan, jika diteliti sebenarnya bukan hanya Hj. Alkanta sahaja yang memainkan peranan dalam perkembangan Islam di alam Bajau pada masa tersebut, bahkan terdapat juga tokoh-tokoh lain yang memerlukan kajian pembuktian lebih lanjut. Justeru itu, kajian-kajian yang terdahulu hanya menekankan perbincangan sejarah Islam di Asia Tenggara secara umum. Kaitan Islam di alam Bajau dibahas dalam sejarah secara terpisah dan belum ada model peralihan zaman yang ditawarkan secara holistik. Artikel ini cuba mengisi kelompangan tersebut dengan membentuk zaman peralihan yang diuraikan selanjutnya.

Bajau merupakan etnik yang telah ribuan tahun sebatian dengan laut, sebagaimana Melayu juga terkenal dengan aktiviti maritim, pembuatan kapal dan perahu kerana pentas Sunda adalah benua yang tidak asing dengan aktiviti laut bahkan puluhan ribu tahun lalu (Zaharah Sulaiman et al., 2023). Orang Bajau terkenal memiliki keterampilan ulung tentang laut dan memiliki pengetahuan luas tentangnya (Zulyani Hidayah, 2015). Oleh kerana itulah, orang Bajau dikenali oleh para pengkaji sebagai *boat nomads* atau *sea nomads* iaitu masyarakat yang akrab dengan laut, perahu dan hidup secara nomadik. Istilah lain yang dihubungkan dengan Bajau oleh para pengkaji Barat seperti *sea gypsies*, *sea people*, *sea folk*, *orang laut*, *waju* dan lain-lain termasuk istilah *Badjaw*, *Bajo*, *Badjoo*, *Bajjau* dan seumpamanya (Halina Sendera Mohd Yakin, 2018). Di kepulauan Sulu, dikatakan Bajau dikenali dengan nama-nama seperti *Sama*, *Samal*, *Palau*, *Kaliaggeh* dan *Luwaan* (Halina Sendera Mohd Yakin, 2019). Selaras dengan perkembangan zaman, masyarakat Bajau yang terkenal sebagai pelaut sebahagiannya telah menetap di darat sehingga mengalami perubahan daripada pelaut kepada petani khasnya Bajau yang menetap di belahan Barat Sabah seperti di Kota Belud (Yap Beng Liang, 1993).

3. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif melalui penelitian kajian lapangan dan kajian kepustakaan untuk mengenal pasti bagaimana peranan sejarah dakwah Islam dalam mempengaruhi bahasa Bajau Ubian yang digunakan pada hari ini. Kaedah yang digunakan adalah temu bual dan pemerhatian ikut serta. Kajian kualitatif mampu memberi kefahaman terperinci mengenai fenomena yang dikaji, meneroka proses dan bentuk amalan atau praktik serta membantu penyelidik untuk meneliti dan memerhati sesuatu isu yang berlaku dalam persekitaran sebenar (Ghazali Darussalam & Sufean Hussin, 2021).

Pengumpulan data melalui teknik temu bual yang dilakukan untuk memastikan bahasa yang digunakan adalah tepat dari sudut ejaan dan fonetik. Data dirakam dan dicatat untuk didengar semula. Temu bual tidak berstruktur untuk mendapatkan maklumat terperinci daripada informan. Tujuannya untuk mendapatkan maklumat kajian awal mengenai tema yang dikaji. Temu bual tidak berstruktur dipilih kerana lebih santai dan mampu mendapatkan pandangan mendalam mengenai sesuatu isu (Sugiyono, 2020). Penulis memastikan bahawa informan yang dipilih terdiri daripada pengamal budaya dan bahasa Bajau Ubian serta memiliki pengalaman yang banyak tentang bahasa dan budaya serta antara individu yang dikenali dalam kawasan penempatan mereka.

Seterusnya, perkataan Arab yang digunakan dalam bahasa Bajau Ubian tersebut dianalisis berdasarkan aspek semantik yang dibahaskan dalam karya-karya memadai. Penulis hanya melihat secara umum dengan membandingkan antara bahasa Melayu, bahasa Arab dan bahasa Bajau Ubian seterusnya menjelaskan penggunaannya dalam bahasa Bajau Ubian, persamaan, perbezaan, perluasan makna, perubahan makna serta aspek berkaitan sekadar memadai. Kaedah induktif dengan mengumpulkan 100 sampel pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Bajau Ubian. Kemudian, beberapa sampel perkataan Arab dalam bahasa Bajau Ubian dipilih dan dianalisis secara deskriptif berdasarkan persamaan, perbezaan, melihat makna berdasarkan beberapa kamus berautoriti, serta makna kata yang dibahaskan dalam perbincangan ilmu bahasa Arab. Temu bual secara khusus terhadap pengamal bahasa dan budaya Bajau Ubian untuk mendapatkan data khusus dan merumuskan dapatan kajian.

Kaedah induktif juga bertujuan meninjau sejarah ringkas penyebaran Islam di Asia Tenggara khasnya di alam Bajau untuk menyajikan kerangka model umum sejarah zaman perkembangan Islam di alam Bajau yang sebahagiannya telah dinyatakan pada perbincangan sebelumnya. Selain itu, analisis kritis mengenai kronologi zaman perkembangan Islam di alam Bajau diuraikan daripada zaman kuno-klasik sehingga kepada zaman moden dengan membuktikan peranan para pendakwah yang berjasa kepada perkembangan masyarakat dan Bajau Ubian. Kajian ini juga merupakan kajian awal untuk memberi pendedahan kepada masyarakat umum serta para pengkaji dalam memahami bahasa, sejarah dan budaya Bajau Ubian. Kajian ini juga menumpukan

komunikasi Bajau Ubian di Lahad Datu, khususnya di sekitar bandar, Kampung Sabah Baru Peringkat 2, Lahad Datu dan beberapa kawasan di daerah Tungku.



Rajah 1 Proses metodologi kajian

4. Perbincangan Dapatan

4.1 Penyerapan Bahasa Arab ke dalam Bahasa Bajau Ubian

Meskipun orang Bajau bertutur dalam bahasa Bajau, namun dialek antara orang Bajau tidak sepenuhnya sama. Maka kajian ini hanya mengkaji dialek Bajau Ubian di Lahad Datu, khususnya di kawasan bandar Lahad Datu dan Tungku. Berdasarkan sumber lisan daripada Otuh Salleh bin Nahul (83 tahun), mantan Ketua Kampung Sabah Baru Peringkat 2 Lahad Datu dan Otok Rikik bin Haji Abdullah @ Munsing (62 tahun), bahawa masyarakat Ubian di Lahad Datu memang berasal daripada kepulauan Filipina khususnya dari Pulau Ubian. Mereka berhijrah ke Sabah sebelum Perang Dunia kedua. Temu bual bersama Otok Rikik (62 tahun) yang menjelaskan bahawa dalam semua kategori Bajau yang ada, Bajau Ubian memiliki dialek bahasa yang lurus tidak berlenggok, tidak berirama, formal dan asli. Menurut kajian pembuktian mt-DNA, alam Melayu itu merangkumi gugusan kepulauan Melayu, Filipina, Kamboja, Siam, Papua New Guinea, Malaysia, Indonesia, kepulauan Borneo, Madagascar dan kepulauan Pasifik termasuk New Zealand di selatan dan Hawaii di utara, semuanya alam Melayu (Zaharah Sulaiman et al., 2023).

Oleh itu Bajau juga merupakan Melayu. Cuma, terbentuknya bangsa sebagai jati dan wujud dalam suasana politik serta kesan sosial tetapi bukan daripada segi biologikal. Bangsa adalah istilah untuk membezakan manusia berdasarkan disiplin, keserasian, kesetiaan, keselesaan, sikap, watak dan peribadi yang dijiwa sesuai dengan keperibadian dan kepercayaan masing-masing. Maka bahasa dan bangsa menyebar bersama 15,000 tahun lalu apabila benua Sunda mula terpisah akibat tiga peristiwa banjir besar (Zaharah Sulaiman et al., 2023).

Sebelum pengaruh Hindu-Budha, kaum Aryan membawa budaya dan kesusasteraan Veda ke India yang mana Veda ditarikahkan antara 1500 SM-1200 SM. Kaum Aryan telah datang ke benua Sunda dan berinteraksi dengan Aslian Melayu. Penghijrahan Indo-Aryan telah membawa bahasa Sanskrit ke India dan Asia Tenggara pada 2000 SM, manakala penghijrahan bangsa Kemboja-Iran (Parsi) ke Asia Tenggara pada 3 SM (Zaharah Sulaiman et al., 2023). Ketika Arab-Islam tiba ke Asia Tenggara sehingga berlaku proses pengislaman sejak zaman Bani Umayyah dan Abbasiyah seterusnya menyebar secara rasmi dan membentuk kerajaan di Nusantara pada sekitar abad ke-12 M, 13 M, 14 M dan 15 M. Sepanjang tempoh yang begitu lama tersebut, sudah pasti berlaku penyerapan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu dan tulisan Jawi. Hal ini telah dijelaskan oleh al-Attas (2025) mengenai bukti peradaban Arab dalam bahasa Melayu, tulisan Jawi, nama-nama orang Melayu, cara penyebutan bahasa Arab oleh orang Melayu dan keturunan mubaligh Arab di kepulauan Melayu. Berdasarkan kronologi zaman dan perkembangan Islam di alam Bajau tersebut, penulis merumuskan tujuh fasa zaman peralihan zaman Islam iaitu Pertama: Zaman tauhid yang asal (zaman para Nabi). Kedua: Zaman penyelewengan tauhid, animisme-dinamisme. Ketiga: Zaman Hindu-Budha (330 – 180 SM). Keempat: Zaman penyebaran Islam (Sudah mula sejak abad ke-9-10 M dan meluas pada abad ke-13 dan 14 M). Kelima: Zaman imperialisme dan sinkretisme (1511 Portugis di Melaka, 1565/66 Sepanyol di Filipina). Keenam: Zaman pembaharuan Islam (pasca kemerdekaan). Ketujuh: Zaman perkembangan Islam (kini).

Sebagaimana yang dinyatakan sebelumnya, Bajau memiliki beberapa pecahan. Namun begitu, dalam rumpun Ubian sendiri memiliki keunikan, persamaan dan perbezaan yang hanya dapat dikenali oleh penuturnya. Misalnya Bajau Ubian memiliki persamaan dan perbezaan dengan Bajau di Semporna, Mantanani dan Bajau di Kota Belud. Umpamanya perkataan sejuk dalam bahasa Bajau Ubian Mantanani bermaksud *haggut*, berbeza dengan Bajau Semporna bermaksud *tenne*, manakala Bajau Ubian di Lahad Datu menggunakan istilah *haggut*.

- Contoh lain, perkataan abang diterjemahkan sebagai *otok* bagi Bajau Mantanani dan Bajau Semporna, namun disebut *kak* oleh Bajau Kota Belud. Perbandingan tiga Bajau (Ubian Mantanani, Semporna dan Kota Belud) penulis bandingkan daripada kajian Saidatul Nornis Hj. Mahali (2018) dengan perbandingan terhadap dialek Bajau Ubian di Lahad Datu. Menurut penulis, penutur bahasa Bajau Ubian di Lahad Datu khasnya di kawasan Tungku menggunakan kedua-dua istilah *otok* atau *tok* dan *kak* atau *ikkak/kak/kakak* yang bermaksud abang.
- Contoh lain seperti kata monyet, bahasa Ubian Pulau Mantanani menyebutnya sebagai *ruwak*, Bajau Semporna menyebutnya *ambuk*, Bajau Kota Belud menyebutnya *kuyak* (Saidatul Nornis Hj. Mahali, 2018). Namun Bajau Ubian di Lahad Datu menyebutnya dengan istilah *duak*. Contoh lain perkataan hisap dalam bahasa Bajau Ubian Mantanani ialah *nesop*, dalam bahasa Bajau Semporna disebut *anossop*, dalam bahasa Bajau Kota Belud disebut *sesop*, namun Bajau Ubian di Lahad Datu menyebutnya *sassop*.

Dialek Ubian Lahad Datu ini penulis peroleh daripada pendengaran dan pertuturan Bajau Ubian di Lahad Datu sejak sekian lama. Bahasa Bajau Ubian juga ada dikumpulkan oleh seorang pengamal bahasa Bajau Ubian di Tungku, Mohd Shah bin Ali Hassan (60 tahun) yang mengumpulkan glosari atau Kamus Ringkas Bajau-Melayu Dialek Ubian. Dalam pada itu, terdapat pula banyak persamaan dialek sesama Bajau Ubian antara Bajau Semporna, Ubian Mantanani dan Bajau Kota Belud seperti perkataan *aku*, *anak*, *batu*, *lahak*, *dikik* dan selainnya. Justeru itu, ini semua membuktikan bahawa meskipun Bajau Ubian berasal daripada rumpun Bajau yang serupa, tetapi juga memiliki perbezaannya tersendiri.

Kajian Saidatul Nornis Hj. Mahali (2018) berdasarkan kajian sebelumnya mengukuhkan bahawa bahasa Bajau Ubian merupakan penutur bahasa Austronesia Purba. Dapatan kajian beliau mendapati bahawa daripada 100 laksikel kosa kata diperbandingkan, hanya 31% perkataan yang menyamai Bahasa Austronesia Purba serta mempunyai hubungan yang kognat. Kajian tersebut juga mendapati Bahasa Bajau daerah Semporna lebih menunjukkan persamaan dengan Bajau Ubian berbanding Bajau di Kota Belud.

Bahasa Bajau yang dikatakan mempunyai asalan daripada bahasa Austronesia Purba itu tidak pelik. Dalam bahasa Melayu sendiri pun berlaku penyerapan bahasa asing lebih daripada satu bahasa. Kajian Anida Sarudin & Nor Hashimah Jalaluddin (2017) membuktikan penyerapan bahasa asing seperti Arab, Cina, Sanskrit dan Tamil ke dalam bahasa Melayu berdasarkan kajian terhadap Kamus Dewan. Bahasa lain yang diresap seperti Portugal, Inggeris, Belanda, Eropah, Indonesia, Parsi, Jepun, Perancis dan Turki. Namun, bahasa Arab adalah bahasa yang paling banyak diserap ke dalam bahasa Melayu disebabkan kelebihan dan kekayaan bahasanya.

Penyerapan bahasa asing ke dalam suatu bahasa penutur adalah perkara lumrah dalam mempertinggi dan memperkaya bahasa sesuatu bangsa, apatah lagi jika kedua-dua bangsa berlainan tersebut mempunyai pertalian yang berlaku sejak sekian lama (Mohd Alwee Yusof, 2006). Naquib Al-Attas (2025) ketika menghuraikan Islam di

alam Melayu menyatakan bahawa penyerapan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu yang berlaku sejak kedatangan Arab-Islam ke alam Melayu telah membentuk bahasa Melayu dan tulisan Jawi yang dapat dilihat dalam penggunaan seharian seperti nama-nama hari dalam seminggu umpamanya. Menurut Amran Kasimin (1987), penyerapan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu telah memakan masa yang panjang dan berlaku sedikit demi sedikit.

Demikian yang berlaku di alam Bajau. Penyebaran Islam oleh pendakwah dan ilmuwan Islam berdarah Arab sehingga membentuk kesultanan Sulu telah memberi serba sedikit impak kepada penyerapan bahasa Arab ke dalam Bahasa Bajau, khasnya Bajau Ubian. Namun, apa yang menjadi keunikan Bajau adalah kepelbagaian dialek atau bahasanya yang telah berubah seiring perubahan masa dan tempat. Dan kajian mengenai perbandingan atau serapan bahasa Arab ke dalam bahasa Bajau juga boleh dikatakan belum dijalankan, bahkan kajian mengenai bahasa Bajau sendiri pun masih begitu terhad. Atas kekurangan itu, kajian ini bertujuan menambah input kepada para pengkaji lain selepasnya dalam bidang bahasa, budaya, tamadun Islam dan selainnya. Maka kajian ini hanya memfokuskan beberapa kesan yang ada dalam penyerapan bahasa Arab ke dalam bahasa Bajau Ubian khususnya dialek Ubian di Lahad Datu dengan memaparkan beberapa kajian tinjauan awal dari aspek semantik yang penulis kemukakan. *Kamus Dewan* mentakrifkan semantik bermaksud kajian tentang makna perkataan dan penambahan makna sesuatu kata (Md. Nor Hj. Ab. Ghani et al., 2023). Dalam *Oxford Dictionary & Thesaurus*, semantic bermaksud: “*The study of the meaning of words and phrases*”. Perbincangan semantik begitu luas, namun kajian ini hanya memfokuskan aspek makna, perluasan makna dan perubahan makna bahasa Arab yang diserap ke dalam bahasa Bajau Ubian.

Jadual 1 Pinjaman atau serapan bahasa Arab dalam bahasa Bajau Ubian

Bahasa Bajau	Bahasa Arab	Maksud bahasa Melayu (konteks Bajau)
Addat	‘adah	Adat
Adil	‘adl	Adil
Adjal	‘ajl	Nyaris, hampir, memasak/siat
Ahad	Ahad	Hari Ahad
Ajal	‘ajl	Ajal maut
Ajaib	‘ajaib	Ajaib
Akibat	Aqibah	Akibat
Akil	Akil	Akil, baligh
Akkal	Aql	Berakal, pandai berfikir, cerdik, muslihat, memperdaya
Amal	‘amal	Pekerjaan, perbuatan
Aruah	Arwah	Arwah
Asli	Ashl	Tulin, bukan buatan
Atah	‘atah	Hamba abdil
Askal	Askar	Tentera
Baki’	Baqi	Rugi
Balad	Balad	Tikar jerami
Banat	Banat	Pukul, palu
Barakat	Barokah	Berkat, restu
Burak/burrak	Beraksa/burak	Burak
Buyu’	Buyu’	Sirih
Buyut	Buyut	Buyut
Daftal	Daftar	Daftar
Dawat*	Dawat	Dakwat, tinta
Doa	Doa	Doa
Diyat	Diyat	Denda
Dunya	Dunya	Bumi, kehidupan di dunia
Pitnah	Fitnah	Membuat tuduhan palsu, huru-hara
Hadarat	Hadrat	Hadrat
Hadas	Hadas	Hadas
Haddat	Haddat	Terkeluar dari bekas, bertaburan
Hadis	Hadis	Hadis

Bahasa Bajau	Bahasa Arab	Maksud bahasa Melayu (konteks Bajau)
Hakikat	Haqiqah	Hakikat
Hakka	Hakka	Jengkal
Hal	Hal	Hal
Halal	Halal	Halal
Halkum	Halqum	Halkum
Hapal	Hifz	Hafal
Haram	Haram	Haram
Hianat	Khiyanah	Khianat
Hikmat	Hikmah	Hikmah
Hiram	Ihram	Ihram
Hukum	Hukum	Hukum
Ibadat	'Ibadah	Ibadah
Ibarat	'ibarah	Ibarat
Imam	Imam	Imam
Ilmu	'ilmu	Ilmu
Isbat*	Isbat	Awas, jaga, rawat, bela, selidik
Itikat	I'tiqad	Iktikad
Itikap	I'tikaf	Iktikaf
Jahannam*	Jahannam	Celaka, biadab
Jaman	Zaman	Zaman
Jasad	Jasad	Jasad
Jawab	Jawab	Jawab
Janin	Janin	Yang masih dalam kandungan
Jikil	Zikr	Zikir
Kabad	Kabad	Sekilas pandang
Kabal	Khabar	Berita, laporan, perkhabaran
Kahawa*	Qohwah	Kopi
Kamus	Qamus	Kamus, keterangan makna
Kiamat	Qiyamah	Hari kiamat
Kitab	Kitab	Kitab, buku
Kiparat	Kifarah	Denda kerana melanggar hukum dan ketentuan agama
Kolban, kulban	Qurban	Amalan menghampirkan diri kepada Allah dengan menyembelih hairan korban pada 10 Zulhijjah atau 3 hari selepasnya (hari tasyrik).
Kuppiah	Kufiyah	Kopiah, ketayap
La'anat	La'nah	Kafir, laknat
Labbai	Labbai	Lebai
Lahat*	Lahad	Tempat
Maskid	Masjid	Masjid
Maksud	Maksud	Niat, tujuan
Mala'ikat	Mala'ikah	Malaikat
Masalah	Mas'alah	Kesulitan, sesuatu yang memerlukan penyelesaian
Mattai, matai	Maata	Tidak bernyawa lagi, atau sumpahan sebagai amaran
Mimbal	Mimbar	Mimbar
Miskin	Miskin	Melarat, miskin
Muapakat*	Muwafaqah	Muafakat
Muplis	Mufliis	Mufliis, tidak mampu bayar hutang
Munapik	Munafik	Munafik, bermuka-muka dan licik
Mungkin	Mumkin	Mungkin

Bahasa Bajau	Bahasa Arab	Maksud bahasa Melayu (konteks Bajau)
Min*	Min	Dari (tempat)
Nahu	Nahwu	Faham, nahu
Napas	Nafs	Udara yang disedut dan dihembus keluar dari paru-paru
Nafsu	Nafs	Keinginan, kemahuan
Niat	Niat	Maksud, tujuan
Nikah	Nikah	Perjanjian akad ijab-kabul suami isteri
Pa*	Fa	Penegasan
Sabal	Sabr	Sabar, menahan kesusahan, tenang
Sadakka, sarakka*	Sadaqah	Pemberian kepada fakir miskin
Sabun	Sobun	Sabun
Sukul	Syukr	Bersyukur, berterima kasih
Saitan	Syaitan	Hantu, syaitan
Salam	Salam	Bersamalan
Selamat	Salamah	Aman, sentosa, terpelihara daripada bencana dan bahaya
Tabi'at	Thobi'ah	Tabiat, perangai, watak, naluri
Takabbul*	Takabbur	Ego sombong, takbur
Wajib	Wajib	Suruhan kewajipan, jika ditinggalkan berdosa
Waris	Waris	Pewaris sebelah ibu, saka
Waqtu	Waqt	Ukuran masa, masuk waktu solat
Wali	Waliy	Orang (bapa, datuk, saudara lelaki, bapa saudara, sepupu) yang boleh menikahkan pengantin
Wali-wali, Waliullah	Waliy	Orang yang dipilih oleh Allah SWT untuk mendapat pertolongan-Nya dengan dirapatkan-Nya kedudukannya.
Wakil	Wakil	Orang yang dilantik sebagai utusan untuk bertindak, mengganti urusan bagi pihak lain

Nota: Maksud yang dikehendaki dalam bahasa Melayu adalah dalam konteks Bajau Ubian.

4.2 Analisis Semantik Perkataan Arab-Bajau

Berdasarkan 100 buah perkataan serapan Arab ke dalam bahasa Bajau Ubian, penulis hanya mengambil 10 daripadanya sebagai objek perbincangan.

4.3 Dawat

Lafaz *dawat* (دوات) dalam bahasa Ubian membawa maksud dakwat. Dalam *Kamus al-Khalil*, lafaz الدواة jamaknya دَوَى و دَوِيْ bermaksud dakwat, kulit anggur (Abu Abdullah Hanafi Hj. Dollah, 2012). Dalam *Kamus Besar 'Arab-Melayu Dewan*, الدواة memiliki dua maksud, pertama: botol tinta, kedua: kulit timun, tembikai dan sebagainya (Hj. Utsman Hj. Khalid et al., 2021). Manakala dalam *Kamus Oxford Edisi Ketiga*, دوات bermaksud مَحْبَرَةٌ iaitu dakwat (Abd Rauf Hj. Hassan, 2015). Orang Ubian menyebut lafaz *dawat* selari dengan lafaz dalam bahasa Arab. Namun, orang Ubian tidak menyebut *jamak* (plural) bagi lafaz berkenaan dan hanya menyebut *mufrad* secara umum. Hal ini tidak pelik, kerana perbendaharaan kata Arab yang agak kompleks dalam menjelaskan *isim* (kata nama) bahasa Arab yang mempunyai *jamak* sama ada *jam' al-taksir*, *jam' al-muzakkar al-salim* dan *jam' al-mu'annats al-salim* (Muhammad As'ad al-Nadiri, 2002). Bahkan dalam bahasa Melayu tidak menggunakan kata *mufrad* dan *jamak* dalam istilah Arab yang diserap dalam bahasa Melayu seperti lafaz kitab, daftar, sekolah. Jika ada pun hanyalah kebetulan kerana kaedah *jamak* dalam bahasa Melayu menggunakan ulangan misalnya buku menjadi buku-buku, syarat menjadi syarat-syarat, sekolah menjadi sekolah-sekolah dan sebagainya (Amran Kasimin, 1987).

4.4 Isbat

Perkataan *isbat* digunakan oleh orang Bajau Ubian dengan maksud awas, jaga, rawat, bela dan selidik. Dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat*, *isbat* bermaksud ketetapan, penetapan, pengukuhan dan pengesahan. Dalam *Kamus Besar 'Arab-Melayu Dewan*, kata *isbat* (إِثْبَات) daripada perkataan اثْبَاتًا - يَثْبِثُ - اثْبَاتًا yang memiliki beberapa makna,

pertama; membenam ekornya dalam tanah untuk bertelur, kedua; menetapkan, menguatkan, ketiga; dengan maksud perintah untuk memastikan, keempat; dengan maksud hak iaitu menegakkan, kelima; mengetahuinya secara benar, keenam; dengan maksud menahan atau mengurung, ketujuh; dengan maksud menikam di sasarannya. Oleh itu, meskipun tidak sepenuhnya sama dengan makna asal dalam bahasa Arab, tetapi penggunaan lafaz *isbat* dalam bahasa Bajau Ubian memiliki persamaan dengan beberapa makna *isbat* yang asal khususnya dengan makna kedua dan ketiga. Makna kedua iaitu menetapkan atau menguatkan sebagaimana contoh pada surah al-Ra'd ayat 39 yang bermaksud: “Allah menghapuskan apa juga yang dikehendaki-Nya dan juga Dia menetapkan apa juga yang dikehendaki-Nya”. Manakala pada makna ketiga iaitu perintah untuk memastikan seperti dikatakan: أَثَبَّتَ الْكِتَابَ dengan makna mencatat (Hj. Uthman Hj. Khalid et al., 2021).

4.5 Jahannam

Dalam bahasa Melayu, jahanam ditulis tanpa huruf *n* yang berulang yang diambil daripada perkataan Arab yang bermaksud neraka (Amran Kasimin, 1987). Ia merujuk kepada laut api di akhirat tempat golongan yang tidak mengikuti perintah Allah SWT menerima hukumannya (Md. Nor Hj. Ab. Ghani et al., 2021). Manakala menjahanamkan pula bermaksud membinasakan, memusnahkan, meruntuhkan seperti rumah tangga dan mengutuk atau menyerapah. Dalam bahasa Arab, lafaz jahannam (جَهَنَّمَ) merupakan salah satu daripada nama neraka. Lafaz الْجَهَنَّمَ bermaksud dasar yang dalam atau perigi yang dalam (Hj. Uthman Hj. Khalid et al., 2021). Dalam tradisi percakapan Ubian, jahanam disebut dengan *jahannam* sebagaimana lafaz asalnya.

4.6 Kahawa

Kahawa dalam Bahasa Bajau Ubian bermaksud kopi. Suatu lafaz unik yang tidak ada dalam pinjaman bahasa Melayu sekalipun. Amran Kasimin (1987) yang telah mengenal pasti perbendaharaan kata Arab dalam bahasa Melayu juga tidak menyebut istilah *kahawa* atau *qohwah*. *Qohwah* (قهوة) jamaknya قَهَوايَ bermaksud kopi (Abd Rauf Hj. Hassan et al., 2015). Dalam *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*, lafaz *qohwah* memiliki 6 maksud, pertama; minuman kopi, kedua; kedai kopi, ketiga; arak atau khamar, keempat; susu asli, kelima; bau, keenam; subur. Manakala الْمُقَهَّى jamaknya الْمُقَاهِي ialah kedai kopi. Dalam tradisi lisan Bajau Ubian, sebutannya dengan meminjam kata nama menunjukkan banyak (*jamak*) iaitu قَهَوايَ. Hanya saja *qohawa* yang disebut dalam bahasa Bajau Ubian adalah umum merujuk kepada kopi sama ada sedikit atau banyak. Demikian juga Bajau Ubian tidak menyebut dengan huruf *qof* (ق) dan menukarkannya kepada huruf *kaf* (ك). Sistem ejaan ini mengikuti sebutan lidah orang Melayu pada yang umumnya menyebut huruf *kaf* (ك) menggantikan huruf *qof* (ق). Sistem ejaan Melayu kebiasaannya tidak mepedulikan ejaan asal dalam bahasa Arab (Amran Kasimin, 1987).

4.7 Lahat

Kata *lahat* sudah tidak asing dalam penggunaan bahasa Bajau. Temu bual bersama Otok Rikik (62 tahun) bahawa daerah Lahad Datu atau *Lahat Datuk* dalam dialek Ubian mempunyai sejarahnya menurut orang tua-tua terdahulu merujuk kepada tempat datuk-datuk, iaitu golongan datu pada zaman kesultanan Sulu suatu masa dahulu. Ada juga yang mendakwa konon lafaz sebenarnya ialah *la'at datuk* iaitu sikap segelintir datuk yang tidak baik. Namun, ia hanyalah sebuah cerita orang tua-tua terhadap perselisihan asal-usul nama Lahad Datu. Namun, apa yang pasti *lahad* atau *lahat* dalam bahas Bajau bermaksud tempat. Dalam sebutan Arab, *lahad* dieja dengan اللَّحْدُ jamaknya اللَّحْدُ و اللَّحْدُ membawa makna lubang, lahad, yang dibuat sebelah lubang kubur (Abu Abdullah Hanafi Hj. Dollah, 2012).

Dalam *Kamus Besar 'Arab-Melayu Dewan*, kata kerja لَحَدَ – يَلْحُدُ – لَحْدٌ memiliki beberapa makna, pertama; menyimpang daripada jalan yang lurus, kedua; menyimpang, senget atau condong, ketiga; zalim, keempat; menyimpang atau menyeleweng daripada agama, kelima; berdusta, keenam; menggali lubang lahad. Penggunaannya dalam bahasa Melayu, *Kamus Dewan Edisi Keempat* mentakrifkan kata *lahad* merujuk kepada liang iaitu ruang dalam lubang kubur tempat meletakkan mayat. Dalam tradisi Bajau Ubian, lahad itu bermaksud tempat. Unit bunyi atau fonem orang Bajau Ubian menyebutnya sama ada *lahad* atau *lahat* dengan huruf *t* dan lebih menjurus kepada *lahad* dengan huruf *d*. Perubahan makna daripada asalnya memperlihatkan bahawa *lahad* yang dimaksudkan dalam bahasa Bajau Ubian merujuk kepada tempat secara umum, bukannya liang lahad atau maksud kata kerja لَحَد dalam bahasa 'Arab.

4.8 Muapakat

Lafaz muafakat termasuk serapan kata dan perbendaharaan kata Arab dalam bahasa Melayu (Amran Kasimin, 1987). Dalam *Kamus Dewan Edisi keempat*, muafakat bermaksud setuju seia sekata, sesuatu yang dipersetujui, perundingan, permesyuaratan, berunding dan sepakat. Dalam bahasa Arab, kata مُوَافَقَةٌ bermaksud , مُلَاقَاةٌ , مُطَابَقَةٌ iaitu persetujuan, kesepadanan dan kesamaan (Abd Rauf Hj. Hassan et al., 2015).

Lafaz *muwafaqah* merupakan *masdar* bagi kata kerja وَافَقَ – يَوافِقُ yang memiliki beberapa maksud iaitu pertama; memperbaiki, mencantumkan, kedua; menyetujui, bersetuju (Hj. Uthman Hj. Khalid et al., 2021). Dalam

bahasa Bajau Ubian, terdapat perubahan sebutan fonetik iaitu muapakat dengan menggantikan huruf *fa* (ف) kepada huruf *p*. Maka orang Ubian menyebutnya dengan lafaz *muapakat*. Namun pada aspek makna tidak berubah dengan makna asalnya iaitu setuju atau menyetujui sesuatu. Apa yang menarik, terdapat penggunaan huruf *f* pada posisi awal kata kadangkala diganti dengan huruf *p* seperti pikir, pisah, pasah, paham, petua dan seumpamanya (Amran Kasimin, 1987). Namun, dalam konteks kata muafakat, bahasa Melayu menyebutnya dengan huruf *f* bukannya *p* yang terjadi di pertengahan kata. Hal ini berbeza dengan bahasa Bajau yang menyebut *f* kepada *p* di tengah kata.

4.9 Min

Dalam kajian bahasa Arab, partikel *Jar* antara perkara penting memberi kesan kepada makna kata. Partikel *Jar* dibahaskan dalam bab partikel (الأداة). Partikel *Jar* merujuk kepada kata sendi yang digunakan untuk menghubungkan Kata Nama atau Kata Dasar atau Kata Sifat dengan Kata Kerja sebelumnya (Mohd Rosdi Ismail, 2003). Jumlah partikel *Jar* sebanyak 20 kata dan yang terkenal penggunaannya merangkumi 16 kata (من, ل, إلى, حتى, عن, على, ب, في, ك, ت (لفظ الجلالة), و, مُذْ وَ مُذْ, رَبُّ, عَذَى / خلا / حاشا, كي, متى, لعل). Partikel *Jar* tersebut masing-masing memiliki fungsinya tersendiri (Muhammad As'ad al-Nadiri, 2002).

Partikel *min* biasanya diterjemahkan sebagai dari atau daripada. Pada aspek fungsi maknanya, ia membawa makna sebahagian atau awalan (Mohd Rosdi Ismail, 2003). *Min* (من) merupakan salah satu kata sendi yang digunakan dalam berbagai keadaan seperti, pertama; di permulaan (الابتداء) yang biasanya digunakan dalam kata nama yang menunjukkan masa seperti: مَرَضَ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ: “Si fulan telah sakit daripada hari Jumaat”. Ia juga dimasukkan ke dalam kata nama yang tidak menunjukkan masa seperti: سَارَ مِنَ الْقَاهِرَةِ: “Si fulan telah berjalan dari Qahirah”. Kedua; menunjukkan setengah (التَّعْيِص) seperti: مِنْهُمْ مَنْ نَجَّحَ وَمِنْهُمْ مَنْ رَسِبَ: “setengah daripada mereka ada yang lulus dan setengah daripada mereka ada yang gagal”. Ketiga; keterangan (البيان) untuk menjelaskan sesuatu yang kurang jelas selepasnya. Keempat; sebagai ta'ail seperti pada ayat 25 pada surah Nuh. Kelima; badal seperti firman Allah pada ayat 38 pada surah al-Taubah. Keenam; sebagai perbezaan (التَّمْيِيز) iaitu terletak antara dua perkataan yang berlawanan seperti pada ayat 220 surah al-Baqarah. Ketujuh; sebagai penegasan (توكيد العموم) iaitu dalam hal ini *min* dianggap sebagai kata penambah sahaja dan didahului kata nafi seperti kata-kata: مَا جَاءَ نِي مِنْ أَخِي: “tidak datang seorang pun menemui saya” (Hj. Uthman Hj. Khalid et al., 2021).

Dalam konteks pengucapan Bajau Ubian, partikel *min* merujuk kepada tempat dan masa. Contoh menunjukkan tempat jika seseorang berkata: “min dingga ka? Jawab: “min Lahad Datu aku” maksudnya: “dari mana engkau?” jawab: “dari Lahad Datu aku”. Manakala contoh yang menunjukkan masa seperti seseorang berkata: “sumilan ka takkah?”. “Min bahangindi ‘ilau”, maksudnya: “sejak bila engkau tiba?” Jawab: “dari malam kemarin dulu/kemarin”. Contoh penggunaan ini menjelaskan bahawa Bajau Ubian dalam pinjaman kata bahasa Arab menggunakan fungsi makna *min* daripada jenis di permulaan (الابتداء).

4.10 Pa

Dalam bahasa Arab, *fa* dibahaskan dalam perbincangan partikel iaitu partikel sendi (أَدَوَاتُ الْغُطْف). Partikel sendi adalah kata sendi yang digunakan sebagai penyambung antara dua perkataan atau dua ayat seperti (و, ثم, أو, حتى). Oleh itu, *fa* salah satu partikel sendi yang membawa maksud ‘berikutnya’ atau ‘selepas itu’ serta membawa fungsi makna lain iaitu natijah seperti ungkapan: رَمَى الصَّيَّادُ الطَّائِرَ, فَقَتَلَهُ: “pemburu itu telah menembak seekor burung, lantas burung itu pun mati-dia membunuhnya” (Mohd Rosdi Ismail, 2003). Umumnya, huruf *fa* (ف) memiliki makna dalam struktur bahasa Arab. Tiga fungsi besar *fa* adalah, pertama; huruf ‘athaf, kedua; menjadi jumlah syarat, ketiga; sebagai tambahan untuk mengukuhkan percakapan. Bagi contoh pertama sama ada menunjukkan susunan urutan makna (contoh surah al-Infithar ayat 7) atau pengiringan makna atau menunjukkan makna kemudian (contoh dalam surah al-Mukminun ayat 14) atau menunjukkan makna sebab (contoh dalam surah al-Qasas ayat 15). Contoh fungsi kedua seperti dalam firman Allah pada surah al-An’am ayat 17. Manakala bagi contoh fungsi ketiga seperti dalam firman Allah dalam surah al-Jum’ah ayat 8 dan al-Mudaththir ayat 4 (Hj. Uthman Hj. Khalid et al., 2021).

Orang Bajau menggunakan kata *pa* sebagai ganti kepada *fa*. Perubahan huruf *f* diganti dengan *p* di awal kata bagi sesetengah perkataan terdapat dalam penggunaan bahasa Melayu yang meminjam daripada bahasa Arab (Amran Kasimin, 1987). Namun pada aspek makna, *pa* yang digunakan dalam percakapan Bajau Ubian memiliki karakter yang sama dalam salah satu fungsi *fa* dalam bahasa Arab iaitu sebagai tambahan untuk meneguhkan atau menegaskan percakapan atau boleh diterjemahkan sebagai “maka”. Contohnya percakapan seseorang: “bang ka bilahi ma iya, pa lanjal ka pihik” maksudnya: “jika engkau mahu dengan dia, maka engkau terus/langsung pergi”. Temu bual bersama Fatimah Ali Hassan (60 tahun) dan Hajjah Aliasan (68 tahun) menyatakan bahawa kata *pa* dalam bahasa Bajau kadangkala suatu penegasan supaya sesuatu perkataan itu lebih kukuh, kuat dan jelas maknanya. Oleh itu, dalam aspek ini, kata tambahan *pa* dalam bahasa Ubian itu semakna dengan fungsi penegasan atau pengukuhan terhadap percakapan.

4.11 Sadakka/Sarakkah

Dalam bahasa Bajau *Ubian*, sedekah disebut sebagai *sadakka* atau *sarakkah*. Misalnya orang Bajau *Ubian* menyebut: “*ni sarakkahan ek sigam*” maksudnya: “*disedekahkan oleh mereka*” atau “*ngahinang kam, da’a kam ngamu’ sarakkah ma a’a*” maksudnya: “*bekerjalah kamu, jangan kamu minta sedekah kepada orang*”. Bahasa Melayu menyebutnya sedekah. Dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat*, sedekah mempunyai beberapa maksud, pertama; pemberian kepada fakir miskin dengan ikhlas, kedua; kenduri minta selamat dan ketiga; jamuan makan untuk orang halus seperti penunggu dan lain-lain sebagaimana kepercayaan lama mengenainya. Manakala bersedekah membawa makna memberi sedekah atau derma atau berkenduri atau berdoa seumpamanya.

Dalam bahasa Arab, kata sedekah disebut dengan *sadaqah* (صدقة) yang asalnya daripada kata ص - د - ق iaitu صَدَقَ - يَصْدُقُ - صِدْقًا yang bermaksud bercakap benar sebagaimana dalam firman Allah SWT dalam surah Ali ‘Imran ayat 152. Manakala أَصْدَقَ - يَصْدُقُ - إِصْدَاقًا membawa beberapa makna iaitu pertama; menganggapnya benar, kedua; menentukan mas kahwin untuknya, ketiga; memberi mas kahwin untuknya, keempat; memberi mas kahwin kepadanya. Kata صَادَقَ - يُصَادِقُ - مُصَادَقَةً bermaksud ‘fulan menjadikan teman’, atau ‘membalas persahabatan’ atau ‘memberi kasih sayang dengan ikhlas’. Kata الصِدْقُ memberi makna kebenaran, kental, kekerasan, perkara yang baik yang tidak ada kecacatan dan kekurangan. Kata الصَّدَقَةُ bermaksud mas kahwin, jamaknya صَدَقَاتُ seperti dalam firman Allah dalam surah al-Nisa’ ayat 4. Kata الصَّدَاقَةُ bermaksud persahabatan (Hj. Uthman Hj. Khalid et al., 2021).

Dalam *Kamus al-Khalil al-Islamiy*, kata صَدَقَ memiliki tujuh makna iaitu bercakap benar, menghadapi peperangan dengan tabah, membenarkan, memberi nasihat, mantap, menyempurnakan janji dan kata yang menunjukkan Allah Maha Benar. Lafaz sedekah juga dinyatakan dalam firman Allah pada surah al-Taubah ayat 79. Maka dapat difahami bahawa sedekah itu pemberian yang ikhlas, penuh keimanan, rasa persaudaraan dan keyakinan akan kebenaran janji Allah SWT serta berjalan di dunia dengan penuh ketabahan, keberanian serta amal yang dilakukan tanpa kecacatan dan kekurangan. Penggunaan lafaz *sadaqah* di dalam fiqh membawa makna amal jariah, iaitu suatu amal pemberian yang bertujuan mengharap pahala balasan di sisi Allah SWT. Manakala zakat fitrah juga disebut sebagai *sadaqah al-fithr* iaitu kadar ketentuan setiap muslim yang ditunaikan dalam bulan Ramadan sebelum solat ‘*Eid al-fitr*’ (Muhammad Rawas Qal’aji, 2010).

Dalam konteks makna, orang Bajau *Ubian* memahami lafaz sedekah sebagaimana makna pemberian kepada orang miskin, atau memberi derma atau mengadakan jamuan kenduri sebagaimana yang difahami dalam bahasa Melayu. Dari sudut penyebutan, terdapat perubahan daripada lafaz asalnya iaitu *sadaqah* menjadi sedekah dalam bahasa Melayu standard, seterusnya menjadi *sarakkah* atau *sadakka* dalam bahasa Bajau *Ubian*. Perubahan ketara huruf ص menjadi س atau s, huruf د atau d menjadi r dan huruf ق yang asal berubah menjadi ك atau k dalam rumi.

4.12 Takabbul

Dalam bahasa Bajau *Ubian*, *takabbul* diertikan sebagai ego, takbur atau sombong. Misalnya seseorang berkata: “*angai takabbul to’ongan ka ma mandusiak/manusiak?*”, maksudnya; “*kenapa sangat takabbur engkau kepada manusia?*”. Orang Bajau *Ubian* menyebut takabbur dengan menukar r kepada l di bahagian akhir kata. Hal ini tidak asing dalam pertuturan orang Bajau *Ubian* yang cenderung mengubah r kepada l seperti tertib menjadi *taltib*, safar menjadi *safal*, takbir menjadi *takbil*, zikir menjadi *jikil*, syukur menjadi *sukul*, rumah menjadi *luma’* dan lain-lain. Namun, ini tidak bermakna orang Bajau *Ubian* tidak fasih menyebut huruf r atau ra (ر), hanya saja dalam keadaan tertentu huruf r bertukar kepada l dan ada kalanya pula orang Bajau *Ubian* menyebut r dengan tepat seperti kata *tarikh*, *tarosoh* (pokok balak), *taruk* (antena), *tarumpit* (terompet), *turung* (tudung), *turunan* (baka, asal-usul), *turul* (ekori, susuli) dan lain-lain.

Dalam bahasa Melayu, takbur bermaksud angkuh dan bongkak, perasaan tinggi diri yang menganggap dirinya lebih mulia, lebih pandai, lebih cerdik daripada orang lain (Md. Nor Hj. Ab. Ghani et al., 2023). Dalam istilah Arab, takabbur (تَكَبَّرَ) merupakan masdar kepada تَكَبُّرًا - يَتَكَبَّرُ - تَكَبُّرٌ yang bermaksud berdegil tidak mahu menerima kebenaran sebagaimana dalam surah al-Baqarah ayat 34 (Hj. Uthman Hj. Khalid et al., 2021). Pengungkapan kata takabbur oleh orang Bajau tidak jauh berbeza dengan makna asal dalam bahasa Arab, hanya yang berubah dari aspek penyebutan sahaja iaitu menukarkan huruf akhirnya daripada takabbur (تَكَبَّرَ) pada huruf ر atau huruf r dalam tulisan roman menjadi *takabbul* dengan huruf l di hujung kata.

5. Kesimpulan

Bukti-bukti sejarah, kenyataan yang ada dan analisis linguistik menunjukkan orang Bajau terutama *Ubian* telah menerima pengaruh Islam daripada para pendakwah dan ulama Islam awal yang mengembangkan Islam ke Asia Tenggara sejak zaman awal pengislaman di alam Melayu dan kepulauan Sulu, termasuklah ketika mana ketibaan Muhammad Kabungsuhan ke Mindanao sebelum pertengahan abad ke-15 bersama orang Samal atau orang laut di kepulauan Melayu (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 2025).

Pada kenyataan yang ada, orang Bajau di Borneo, Indonesia mahupun Filipina diketahui sinonim dengan peribadi dan watak muslim. Orang Bajau terbukti antara suku asli di benua Sunda dan merupakan orang Melayu asli. Orang Bajau yang menghuni perahu menjadi bukti bangsa Melayu sejak ribuan tahun lalu bergelung

dengan laut. Maka Bajau dan orang laut adalah salah satu turunan Melayu moden yang paling ramai berkembang di Benua Sunda, mereka bukanlah pendatang tetapi orang asli di benua Sunda (Zaharah Sulaiman et al., 2023).

Pada aspek bahasa, ternyata pengaruh Islam dan bahasa Arab membuktikan berlaku penyerapan bahasa Arab ke dalam bahasa Bajau Ubian. Hal ini dapat dibuktikan apabila sesetengah perkataan Arab tersebut hanya digunakan oleh orang Bajau Ubian dan tidak digunakan oleh bahasa lain seperti bahasa Melayu standard. Meskipun bahasa Bajau Ubian mempunyai persamaan dengan bahasa Austronesia Purba dan khususnya bahasa Melayu, tetapi juga ada menyerap bahasa Arab hasil daripada proses pengislaman pada zaman ketibaan Islam ke alam Melayu. Daripada dapatan kajian ini, kebanyakan pinjaman kata Arab ke dalam bahasa Bajau Ubian tidak jauh berbeza dengan bahasa Melayu berdasarkan temuan dalam *Kamus Dewan* dan buku-buku ilmiah yang membahaskan soal penyerapan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu berkaitan.

Persamaan bahasa Bajau dan bahasa Melayu serta pinjaman kata Arab yang tercatat jelas melainkan dalam beberapa kata yang menjadi ciri khas Bajau Ubian. Hal ini tidak asing kerana Bajau itu adalah rumpun Melayu asli, Bajau bukan pendatang atau tidak diketahui asal-usulnya, mereka penduduk asal di Asia Tenggara. Kajian mt-DNA serta sejarah telah membuktikannya. Justeru itu, Bajau merupakan penganut Islam yang asal, mereka juga orang Melayu asli yang berkembang secara in-situ di alam Melayu. Hal ini perlu diberi perhatian kerana mencari asal-usul Bajau yang dikatakan tidak jelas hanya akan mewujudkan kesamaran asal usul sejarah dan melumpuhkan jati diri bangsa Bajau. Oleh itu, Bajau adalah Melayu Moden setaraf etnik lain seperti Iban, Jakun, Besisi, Temuan, Orang Laut, Dayak dan lain-lain adalah semendaan Aslian Melayu terawal, berevolusi dan fusion 35,000 tahun membentuk Melayu Moden dan berkembang di serata rantau kepulauan Pasifik (Zaharah Sulaiman et al., 2023).

Bangsa Melayu pada asalnya kaum paling bertamadun, tetapi malang telah bertembung dengan kedatangan bangsa Eropah. Mereka di kepulauan Filipina asalnya muslim, namun ketika berlaku penjajahan kolonialisme, mereka dipaksa memeluk Kristian, bercakap bahasa Sepanyol dan Tagalog sebagai bahasa Ibunda (Zaharah Sulaiman et al., 2023). Ini membuktikan Bajau adalah muslim sejak zaman perkembangan Islam di alam Melayu, tidak terkecuali orang Bajau Pala'u. Sepanjang perkembangan tersebut sehingga zaman pasca kemerdekaan, maka identiti Bajau hendaklah dijulung semula, diperkenalkan dan dinyatakan secara jelas identiti sebenarnya. Termasuk Bajau Pala'u mereka adalah orang Islam, hanya saja berlaku pengabaian pada aspek pendidikan, sosial dan agama akibat pelbagai faktor sebagaimana yang telah diuraikan.

Konflik Kepentingan

Penulis mengumumkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

Penyataan Penggunaan AI dalam Penyediaan Manuskrip

Penulis menggunakan ChatGPT untuk membantu dalam menterjemah abstrak ke dalam bahasa Inggeris. Semua kandungan yang dijana telah disemak dan disahkan oleh pengarang, yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk penyerahan akhir.

Sumbangan Penulis

*Penulis mengesahkan sumbangan kepada kertas ini seperti berikut: **Penulisan artikel**, Al Anshary Otuh Salleh **semakan dan edit**, Al Anshary Otuh Salleh. Penulis telah mengkaji hasil dan meluluskan versi terakhir manuskrip.*

Rujukan

Al-Qur'an al-Karim

Amran Kasimin. (1987). Perbendaharaan Kata Arab dalam Bahasa Melayu. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Anida Sarudin & Nor Hashimah Jalaluddin. (2017). Analisis Semantik Kognitif Kata Serapan Arab-Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Rahman Hj. Abdullah. (2006). Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional. Pustaka Haji Abdul Majid.

Abu Abdullah Hanafi Hj Dollah. (2012). Kamus al-Khalil al-Islami. Internasional Islamic University Malaysia.

Abd Rauf Hj. Hassan, Abdul Halim Salleh, Khairul Amin Mohd Zain & Wan Norainawati Hamzah. (2015). Kamus bahasa Melayu – Bahasa Arab, bahasa Arab – bahasa Melayu. Oxford Fajar.

Azyumardi Azra. (2007). Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII. Kencana.

Daud Rasyid. (2006). Sunnah di Bawah Ancaman. Syamil.

Daliar Noer. (1982). Gerakan Modern Islam di Indonesia 1900-1942. LP3ES.

Ghazali Darussalam & Sufean Hussin. (2021). Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan (edisi ketiga). Penerbit Universiti Malaya.

- Halina Sendera Mohd Yakin & Andreas Totu. (2019). *Simbolisme dalam Adat Kematian Bajau dari Perspektif Semiotik dan Komunikasi*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Halina Sendera Mohd Yakin. (2018). *Struktur Adat Kematian Menyingkap Pandangan Alam dan Kosmologi Masyarakat Bajau*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Hazairin. (1981). *Tujuh Serangkai Tentang Hukum*. Bina Aksara Jakarta.
- Hj. Uthman Hj. Khalid, Muhammad Syukri Hamzah, Badrul Munir Muhammad Nur Dimyathi, Hasan Basri Awang Mat Dahan, Abdul Halim al-Muhammadi, Abdul Halim Muhammad & Ahmad Hanafi Muhammad Ali. (2021). *Qamus Besar 'Arab-Melayu Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kaserun AS Rahman. (2019). *Kamus Nahwu Shorof*. Pustaka Progressif.
- Masni Mustapa, Musaiyadah Ahmadun, Sharifah Sari Datu Asal & Siti Saidatul Akmal Arishin (2022). *Sejarah Perkembangan Dakwah di Lahad Datu Sabah: Satu Kajian Awal*. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*. 13(2022), 79-85.
- Md. Nor Hj. Ab. Ghani, Mohd Fadzli Tajuid, Salasiah Zainuddin, Norashikin Khasim, Ruslan Abdul Raffar & Yahya Abu Bakar. (2023). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md. Saffie Abd Rahim, Sabihah Osman & Ramzah Dambul. (2012). *Bajau Pantai Timur*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Mohd Rosdi Ismail. (2003). *Bahasa Arab Mikro Binaan Kata & Fungsi Makna*. Arabic Language & Consultancy.
- Muhammad As'ad al-Nadiri. (2002). *Nahwu al-Lughah al-'Arabiyyah*. Al-Maktabah al-'Ashriyyah.
- Muhammad Rawas Qal'aji. (2010). *Mu'jam Lughah al-Fuqaha'*. Dar al-Nafa'is.
- Mustafa Abdullah. (2021). *Pemikiran Pembaharuan Islam Tokoh Tafsir Indonesia dari Mahmud Yunus hingga Quraisy Syihab, dalam: Aliran Klasik dan Moden dalam Pengajian Tafsir dan Hadis*. Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Shah bin Imam Ali Hassan. (2022). *Kamus Ringkas Bajau-Melayu Dialek Ubian*. Terbitan Mohd Shah Ali Hassan@Haikal
- Mohd Alwee Yusof. (2006). *Perkataan Arab dalam Bahasa Melayu: Satu Tinjauan dari segi Aspek Semantik*. *Jurnal Usuluddin*, bil 23-24 (2006), 239-254.
- Nurul Izzah Che Zaidi & Razaleigh Muhamat@Kawangit. (2020). *Personaliti Pendakwah Dalam Menyantuni Masyarakat Non-Muslim*. *Al-Hikmah*, 12(1), 19-36.
- Oxford Dictionary & Thesaurus. Oxford University Press.
- Sinar Harian. (1 Februari 2021). *Jakim bimbing kumpulan suku Bajau Laut baharu peluk Islam*. <https://www.sinarharian.com.my/article/121838/BERITA/Semasa/Jakim-bimbing-kumpulan-suku-Bajau-Laut-baharu-peluk-Islam>
- Slamet Muljana. (2005). *Runtuhnya Kerajaan Hindu-Jawa dan Timbulnya Negara-negara Islam di Nusantara*. PT. LKiS Pelangi Aksara.
- Sugiyono. (2020). *Metode Penelitian Kualitatif*. Penerbit Alfabeta Bandung.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2018). *Cerakinan Bahasa Ubian Mantanani: Satu Rungkasan Awal*. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 6(2), 83 - 98 <https://doi.org/10.17576/jatma-2018-0602-07>
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (2025). *Sejarah Islam di Alam Melayu*. Penerbit UTM.
- Syamsul Azizul Ramli, Mohd Anuar Ramli & Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi. (2025). *Sinkretisme Menelusuri Adat Tradisi Bajau di Sabah Menurut Hukum Islam*. Penerbit Universiti Malaya.
- Tamar Djaja. (1980). *Riwayat Hidup A. Hassan*. Mutiara Jakarta.
- Utusantv (2 February 2021). *Hidayah Sampai Gara-gara Ebit Lew?* <https://utusantv.com/2021/02/02/hidayah-sampai-gara-gara-ebit-lew/>
- Yap Beng Liang. (1993). *Pertanian di Kalangan Orang Bajau Daerah Kota Belud, Sabah*. *Cendekia*, 1(1993), Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya.
- Zaharah Sulaiman, Wan Hasyim Wan Teh & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. (2023). *Sejarah Tamadun Alam Melayu*. (jilid 1). Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zulyani Hidayah. (2015). *Ensiklopedi Suku Bangsa di Indonesia*. Yayasan Pustaka Obor Indonesia.

Fatimah binti Ali Hassan. Berumur 60 tahun dan berasal daripada Kampung Bangkarat, Tungku. Temu bual pada 20 Julai 2025.

Halpisah binti Taman. Berumur 70 tahun berasal daripada Lahad Datu. Temubual: 22 Jun 2024.

Hajjah @ Saheya binti Alias. Berumur 68 tahun dan berasal daripada Kampung Bangkarat, Tungku. Temubual: 21 Jun 2025 dan 7 Jun 2025.

Mohd Shah bin Imam Ali Hassan. Berumur 60 tahun dan berasal daripada Kampung Bangkarat, Tungku. Temubual: 25 Jun 2024 & 30 Jun 2025.

Otuh Salleh bin Nahul. Berumur 83 tahun dan berasal dari Filipina, berbangsa Bajau-Suluk dan merupakan warganegara Malaysia. Temubual: 7 Jun 2025 & 21 Jun 2025.

Otok Rikik. Berumur 62 tahun dan berasal daripada Pulau Bohayan Kunak. Temubual: 18 July 2025.

Salim bin Lammokan. Berumur 71 tahun dan berasal dari Kampung Merabung, Tungku. Temubual: 26 Jun 2024.